

14/10/2003

Gambar Nik Aziz sebesar pintu

AR Muhamad

ISU yang cuba diketengahkan Harakah bertajuk 'Puja Mahathir agenda siapa?' membuat saya geli hati dan menimbulkan banyak tanda tanya.

Rencana itu disertai kenyataan Mursyidul Am Pas - Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang berpendapat kononnya ada individu yang melancarkan kempen memuja dan kesannya akan dirasai oleh pengganti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelak.

Jelas Pas seperti sudah tidak ada isu. Jika hendak dibincangkan isu puja-memuja eloklah Nik Aziz lihat di sesetengah rumah pengikut Pas, pasti ada digantung gambar Nik Aziz di dinding hingga ada bersaiz sebesar pintu rumah.

Kalau dibiarkan lama kelamaan, mahu agaknya pengikut Pas membuat patung dan kembali ke zaman jahiliah. Minta dijauhkan diri kita dari sifat jumud seperti itu.

Sekiranya Nik Aziz ikhlas dalam isu ini, tolonglah beritahu pengikut beliau yang taksub menghentikan perbuatan mereka itu.

Tetapi seperti biasa apabila kita beritahu menggantung gambar besar itu adalah satu cara memuja yang berlebihan, mereka semua akan kata. "Itu tak apa, sebab niat kita gantung gambar besar adalah ikhlas iaitu untuk menghormati pemimpin Islam".

Semuanya kira betul kalau mereka buat, tetapi bila orang lain semuanya tidak kena. Sebagaimana kata Dr Fadzilah Kamsah "Betul tak betul bangkang tetap bangkang" dan itulah pembangkang namanya.

Kesimpulannya, kepada masyarakat Malaysia khususnya, janganlah cepat terpengaruh dengan kenyataan bertulisan merah media Pas.

Kepada media tempatan teruskanlah menyiarkan sejarah, kejayaan, hasil usaha Dr Mahathir selama ini supaya boleh dijadikan panduan kepada pemimpin akan datang dan juga menyedarkan golongan yang jumud agar mereka lebih bersyukur.

AR MUHAMAD,  
Medan Idalam, Kuala Lumpur.